

06 AUG 1998

MIC-Mesyuarat

MASALAH EKONOMI TUMPUAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Perhimpunan Agung MIC Ke-52 Sabtu ini dijangka memberi tumpuan kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ekonomi negara, terutamanya Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN).

Setiausaha Agung MIC Tan Sri K.S.Nijhar hari ini berkata 1,350 anggota perwakilan dijangka hadir untuk membahaskan isu itu pada mesyuarat sehari itu di sebuah hotel di Subang Jaya.

Beliau memberitahu pemberita di ibu pejabat parti di sini bahawa ucapan presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu akan memberi tumpuan kepada masalah ekonomi di samping menyatakan sokongan parti terhadap langkah kerajaan itu termasuk PPEN.

Nijhar berkata MIC memutuskan untuk memendekkan tempoh mesyuarat itu dari dua hari ke sehari bagi menjimatkan kos seperti yang diumumkan oleh Samy Vellu baru-baru ini.

"Kami membelanjakan RM550,000 bagi mesyuarat agung tahun lepas. Tahun ini kami hanya membelanjakan RM275,000," katanya.

Mesyuarat itu dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merupakan Pengerusi Barisan Nasional.

Nijhar berkata mesyuarat itu dijangka menyatakan sokongan dan taat setia kepada Dr Mahathir terhadap usaha beliau untuk memulihkan kembali ekonomi.

Mesyuarat itu juga dijangka meluluskan beberapa pindaan kepada perlembagaan parti itu, termasuk menambah bilangan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang dilantik iaitu daripada tujuh kepada sembilan anggota. Selain jawatan yang dilantik itu, terdapat 23 anggota CWC yang dipilih.

Pindaan lain termasuk memberi kuasa kepada Ketua Perhubungan MIC Negeri bagi membolehkan mereka memainkan peranan lebih besar dalam hal ehwal parti.

"Kami juga mencadangkan untuk menaikkan yuran keanggotaan seumur hidup daripada RM100 ke RM500," katanya.

-- BERNAMA

ES RHM MAI